

22/08/2000

Khair digesa tumpu kegiatan agama

KUALA LUMPUR, Isnin - Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shahmahu Menteri Besar baru, Dr Mohamad Khir Toyo memberi keutamaan kepada aktiviti keagamaan di Selangor.

Hasrat itu dinyatakan oleh Seri Paduka kepada Dr Mohamad Khir di Istana Selangor, di sini, hari ini.

"Tuanku menitahkan agar mentadbir negeri Selangor dengan sebaik yang boleh dan memastikan bahawa aktiviti keagamaan diutamakan," kata Dr Mohamad Khir kepada pemberita selepas beliau menghadap Sultan Salahuddin.

Pada pertemuan itu Seri Paduka mengucapkan tahniah kepada Dr Mohamad Khir dan menyampaikan cenderahati.

Dr Mohamad Khir yang akan mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar pada Khamis ini berkata, baginda juga menyarankan agar beliau sentiasa melawat kawasan di negeri itu.

"Saya mengucapkan jutaan terima kasih atas apa yang Tuanku titahkan kepada saya dalam mentadbir negeri Selangor," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Panjang itu dilantik sebagai Menteri Besar Jumaat lalu bagi menggantikan Datuk Seri Abu Hassan Omar yang meletak jawatan pada 10 Ogos lalu.

Dr Mohamad Khir, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian Universiti Malaya, adalah Menteri Besar paling muda di Selangor.

Pelantikannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengulang sejarah Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang dilantik sebagai Menteri Besar pada 1986, iaitu muka baru yang tidak begitu dikenali.

Dr Mohamad Khir memasuki pejabat Menteri Besar di Tingkat 21, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah petang ini, selepas menemui Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya.

(END)